

13

Kementerian Dalam Negeri

- Polis DiRaja Malaysia
- Jabatan Penjara Malaysia
- Jabatan Imigresen Malaysia
- Jabatan Sukarelawan Malaysia
- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
- Eastern Sabah Security Command
 - Pengurusan dan Kawal Selia Senjata Api Jabatan dan Agensi di Bawah Kementerian Dalam Negeri


PENGURUSAN DAN KAWAL SELIA SENJATA API JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

POLIS DIRAJA MALAYSIA, JABATAN PENJARA MALAYSIA, JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA, JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA, AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA DAN EASTERN SABAH SECURITY COMMAND

RUMUSAN AUDIT

"Secara keseluruhannya, Pengurusan dan Kawal Selia Senjata Api Jabatan dan Agensi di Bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah **kurang memuaskan**. Terdapat kelemahan dalam penyediaan dasar berkenaan sukatan senjata api dan amunisi, berlaku kes kehilangan senjata api milik Jabatan dan Agensi di bawah KDN, pemegang senjata api tidak memperbaharui lesen senjata api, senjata api dianggarkan bernilai RM6.34 juta tidak dibekalkan dan senjata api tidak dilupuskan".



**KEMENTERIAN DALAM NEGERI
POLIS DIRAJA MALAYSIA, JABATAN PENJARA
MALAYSIA, JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA,
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA, AGENSI
PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA DAN
EASTERN SABAH SECURITY COMMAND
PENGURUSAN DAN KAWAL SELIA SENJATA API
JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN
DALAM NEGERI**

Perkara Utama

**Apa yang
diaudit?**

- Senjata api bermaksud apa-apa jenis senjata maut berlaras termasuk senjata yang direka bentuk atau disesuaikan untuk melepaskan sesuatu letusan, peluru atau lain-lain bedilan darinya.
- Bahagian Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dipertanggungjawabkan untuk memastikan pemilikan senjata api dipantau, dikawal dan dibimbing mengikut undang-undang dari aspek penggunaan, penyimpanan dan keselamatan.
- Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti kawal selia senjata api jabatan dan agensi di bawah KDN bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Prestasi output dinilai berdasarkan sukatan senjata api dan amunisi (peluru dan bahan letupan), permohonan baharu dan pembaharuan lesen A dan permit C&U senjata api serta penguatkuasaan dan pemeriksaan oleh PDRM. Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan penyelesaian siasatan kes jenayah melibatkan senjata api dan kawalan terhadap penggunaan senjata api. Pengurusan aktiviti pula meliputi dua perkara utama iaitu perolehan serta penyimpanan dan pelupusan senjata api.

**Mengapa
ia penting
untuk
diaudit?**

- Untuk menilai sama ada sama ada pengurusan dan kawal selia senjata api di bawah KDN telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk memastikan pemilikan senjata api dipantau, dikawal dan dibimbing mengikut undang-undang dari aspek penggunaan, penyimpanan dan keselamatan.

Rumusan Secara keseluruhannya, pengurusan dan kawal selia senjata api jabatan dan agensi di bawah KDN adalah kurang memuaskan. Terdapat kelemahan dalam penyediaan dasar berkenaan sukatan senjata api dan amunisi serta berlaku kes kehilangan senjata api milik jabatan dan agensi di bawah KDN. Selain itu, berlaku kelemahan tindakan penguatkuasaan Akta Senjata 1960 bagi pembaharuan lesen senjata api yang boleh menjejaskan kawalan senjata api oleh PDRM. Perolehan senjata api yang tidak diuruskan dengan cekap menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dianggarkan berjumlah RM6.34 juta dan kelemahan pengurusan pelupusan senjata api boleh menimbulkan risiko keselamatan.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Berlaku kes kehilangan senjata api milik Jabatan dan Agensi di bawah KDN.	Menjejaskan keselamatan dan kesiapsiagaan senjata api.	Tindakan tegas kepada pegawai sekiranya didapati berlaku kecuai.
2.	25 individu/syarikat memegang senjata api walaupun lesen senjata api tidak diperbaharui.	Penggunaan senjata api secara tidak sah.	Mengeluarkan surat peringatan dengan segera dan mengambil tindakan merampas senjata api sekiranya pemilik tidak memperbaharui lesen selepas peringatan dikeluarkan.
3.	Senjata api dianggarkan bernilai RM6.34 juta masih belum dibekalkan walaupun kontrak perolehan telah tamat.	PDRM tidak mendapat bekalan senjata yang sepatutnya untuk melaksanakan tugas dan operasi.	Mengambil tindakan berdasarkan perundangan terhadap syarikat.
4.	Senjata api milik awam yang disimpan melebihi tempoh antara 1 hingga 48 tahun di IPD PDRM tidak dilupuskan.	Risiko keselamatan penyimpanan senjata api kepada PDRM.	Komunikasi dan koordinasi perlu dipertingkatkan dan proses pelupusan secara berkala melibatkan semua IPD perlu dijalankan.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI POLIS DIRAJA MALAYSIA, JABATAN PENJARA MALAYSIA, JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA, JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA, AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA DAN EASTERN SABAH SECURITY COMMAND

1. PENGURUSAN DAN KAWAL SELIA SENJATA API JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI

FAKTA UTAMA

6 Jabatan dan Agensi

- Jabatan dan agensi di bawah KDN yang memiliki dan mengoperasikan senjata api

8 Jenis Lesen dan Permit

- Bilangan jenis lesen dan permit senjata api

Skop Pengauditan Tahun 2019 hingga 2022

Kementerian Dalam Negeri (KDN) Kementerian yang bertanggungjawab mengawal selia pemilik senjata api secara keseluruhan

Polis Diraja Malaysia (PDRM) Agensi yang mengeluarkan lesen dan permit senjata api

Agensi mengoperasi dan menggunakan senjata api

Jabatan Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)

Jabatan Penjara Malaysia

Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM)

Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)

1. LATAR BELAKANG


1.1. Senjata api bermaksud apa-apa jenis senjata maut berlaras termasuk senjata yang direka bentuk atau disesuaikan untuk melepaskan sesuatu letusan, peluru atau lain-lain bedilan darinya.

1.2. Seksyen 3 Akta Senjata 1960 menetapkan seseorang tidak boleh memiliki, membawa atau menggunakan senjata api tanpa lesen atau permit senjata api melainkan seseorang itu memohon lesen atau permit senjata daripada Ketua Polis Negeri di mana pemohon tersebut tinggal.

1.3. Bahagian Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dipertanggungjawabkan untuk memastikan pemilikan senjata api dipantau, dikawal dan dibimbing mengikut undang-undang dari aspek penggunaan, penyimpanan dan keselamatan.

1.4. Terdapat lapan jenis lesen dan permit senjata api yang dikeluarkan oleh PDRM seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
JENIS LESEN DAN PERMIT SENJATA API



Sumber: PDRM

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan dan kawal selia senjata api di bawah KDN telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk memastikan pemilikan senjata api dipantau, dikawal dan dibimbing mengikut undang-undang dari aspek penggunaan, penyimpanan dan keselamatan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan.

- a. Pencapaian output dinilai berdasarkan sukatan senjata api dan amunisi (peluru dan bahan letupan), permohonan baharu dan pembaharuan lesen A dan permit *Carry & Use* (C&U) senjata api serta penguatkuasaan dan pemeriksaan oleh PDRM.
- b. Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan penyelesaian siasatan kes jenayah melibatkan senjata api dan kawalan terhadap penggunaan senjata api.

3.2. Pengurusan aktiviti pula meliputi dua perkara utama iaitu perolehan serta penyimpanan dan pelupusan senjata api.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di enam jabatan dan agensi di bawah KDN iaitu PDRM, Jabatan Penjara Malaysia, JIM, RELA, APMM dan ESSCOM melibatkan lima negeri yang dilawati iaitu Negeri Selangor, Kedah, Perak, Sabah dan Kelantan. Sampel pejabat yang dilawati adalah seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2 SKOP PENGAUDITAN PENGURUSAN DAN KAWAL SELIA SENJATA API



Sumber: JAN

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak fail, laporan, rekod, dokumen dan menganalisis data yang berkaitan di pejabat auditi yang terlibat. Lawatan dan pemeriksaan fizikal senjata api turut dijalankan di agensi yang dipilih sebagai sampel Audit. Sesi temu bual dan perbincangan bersama pegawai bertanggungjawab dalam pengurusan senjata api dan pelesenan senjata api turut diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Oktober 2022 hingga bulan Februari 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 4 Julai 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

5.1.1. Pencapaian Output

a. Sukatan Senjata Api dan Amunisi

- i. Dasar sukatan senjata api dan amunisi merupakan panduan bagi penetapan bilangan dan jenis senjata yang diperlukan oleh setiap anggota dalam melaksanakan tugas. Dasar ini membolehkan jabatan dan agensi merancang dan membuat perolehan senjata api bagi memastikan kecukupan dan kesiapsiagaan senjata api.
- ii. Arahan Persenjaan Bil. 82-10 Tahun 2003, PDRM, Sukatan Senjata Api dan Amunisi menyatakan anggota PDRM hendaklah dibekalkan senjata api berdasarkan sukatan yang telah ditetapkan. Arahan Ketua Pengarah APMM

Bil. 16/2007, Dasar Sukatan Peluru dan Letupan pula menetapkan sukatan senjata api bagi memudahkan pembahagian senjata dan bahan letupan yang sepatutnya diperlengkapkan kepada semua pasukan dan anggota penguatkuasaan.

iii. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:


PENEMUAN AUDIT MENGENAI DASAR SUKATAN SENJATA API JABATAN/AGENSI		MAKLUM BALAS YANG DITERIMA
PDRM	Dasar Sukatan Senjata Api dan Amunisi tidak dikemas kini sejak tahun 2003.	Maklum balas yang diterima pada 16 Jun 2023 Arahan Persenjataan Bilangan 179-01/2023 mengenai Sukatan Senjata Api dan Amunisi PDRM telah dikeluarkan pada 3 Mei 2023.
APMM	Dasar Sukatan Peluru dan Letupan APMM tidak dikemas kini sejak tahun 2007.	Maklum balas yang diterima pada 7 Julai 2023 Dasar Sukatan Peluru dan Letupan APMM yang terkini dalam peringkat semakan dan dijangka akan dikeluarkan pada 30 September 2023.
Jabatan Penjara Malaysia	Tiada dasar berkenaan sukatan senjata api di setiap institusi.	Maklum balas yang diterima pada 12 Jun 2023 Dasar telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Komisioner Jeneral Penjara Bil. 06/23 pada 8 Jun 2023.
JIM	Tiada dasar berkenaan sukatan senjata api di setiap negeri.	Maklum balas yang diterima pada 18 Julai 2023 Sedang menyediakan dan mengemas kini dasar sukatan senjata api dan amunisi dan dijangka selesai pada bulan September 2023.
ESSCOM	Tiada dasar berkenaan sukatan senjata api yang diperlukan.	Maklum balas yang diterima pada 4 Julai 2023 Pindaan Perintah Tetap Keselamatan Senjata Api Bagi Sukatan Senjata Api bagi pegawai dan anggota keselamatan ESSCOM telah dikeluarkan pada 28 Jun 2023.
RELA	Tiada dasar berkenaan keperluan senjata api yang diperlukan.	Maklum balas yang diterima pada 18 Julai 2023 Sedang menyediakan dan mengemas kini dasar sukatan senjata api dan amunisi dan dijangka selesai pada bulan September 2023.

iv. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kecukupan senjata api setiap jabatan dan agensi kerana tiada asas untuk membuat pengukuran.

Pendapat Audit | **Penyediaan dasar sukatan senjata api dan amunisi adalah penting bagi menentukan kesiapsiagaan senjata api di setiap jabatan dan agensi.**

b. Permohonan dan Kelulusan Lesen A/Permit C&U Senjata Api

Pengukuran terhadap pencapaian output bagi pelesenan senjata api adalah berdasarkan bilangan keseluruhan permohonan serta kelulusan bagi permohonan baharu dan pembaharuan lesen A/permit C&U senjata api. Bilangan **pemegang lesen A dan permit C&U senjata api pada 31 Disember 2022 adalah 52,982** melibatkan kategori individu, agensi kerajaan dan syarikat swasta seperti dalam **Carta 1**.




Sumber: PDRM

i. Permohonan Baharu Lesen A dan Permit C&U Senjata Api

- Subseksyen 4 (1) Akta Senjata 1960 menyatakan suatu permohonan lesen atau permit senjata hendaklah dibuat dalam borang yang telah ditetapkan kepada Ketua Polis Negeri di mana pemohon tinggal.
- Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Bahagian Pelesenan, IPPDRM, **jumlah permohonan baharu lesen A senjata api bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 adalah sebanyak 7,668**. Status permohonan baharu lesen A senjata api adalah seperti dalam **Carta 2**.


CARTA 2
STATUS PERMOHONAN BAHARU LESEN A
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022



Sumber: PDRM

- Permohonan **baharu permit C&U senjata api** bagi tempoh yang sama pula adalah sebanyak **12,097**. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
STATUS PERMOHONAN BAHARU PERMIT C&U SENJATA API BAGI
TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022



Sumber: PDRM

- Secara keseluruhan, sebanyak 2,569 permohonan lesen A dan 1,063 permit C&U senjata api tidak diluluskan kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam *Standard Operating Procedure* (SOP) Pelesenan dan Arahan Tetap PDRM. Sebanyak 2,554 permohonan lesen A dan 5,650 permit C&U senjata api pula masih berstatus belum selesai kerana masih dalam semakan di peringkat PDRM atau KDN.
- Selain itu, semakan Audit mendapati satu syarikat telah diluluskan Lesen Sementara Membawa Masuk Senjata Api dan Amunisi (Pol.119A). Lesen tersebut membolehkan syarikat mengimport, menyimpan sementara dan mengeksport semula senjata api. Bagaimanapun, semakan selanjutnya

mendapati syarikat tidak memiliki lesen eksport atau membuat pengesahan ke atas Pol.119A bagi tujuan pengeksporan semula senjata api tersebut. Syarikat juga tidak mematuhi beberapa peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berkaitan pengimportan sementara dan pengeksporan senjata api.

Maklum balas KDN yang diterima pada 18 Julai 2023

KDN telah mengadakan mesyuarat bersama JKDM dan syarikat mengenai perkara ini pada 4 Julai 2023. Susulan daripada itu, pihak syarikat telah mengemukakan permohonan kepada JKDM untuk mendapatkan ulasan mengenai fasiliti perkastaman dan lain-lain keperluan pengoperasian.

ii. Permohonan Pembaharuan Lesen A dan Permit *C&U* Senjata Api

- Subseksyen 4 (4) Akta Senjata 1960 menetapkan suatu lesen atau permit senjata hendaklah diperbaharui sebelum 30 haribulan Jun setiap tahun.
- Semakan Audit mendapati PDRM hanya menyimpan rekod permohonan pembaharuan lesen A dan permit *C&U* senjata api bagi tahun semasa. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Bahagian Pelesenan, IPPDRM, **sebanyak 29,802 permohonan pembaharuan lesen A dan 19,413 permohonan pembaharuan permit *C&U* senjata api** telah diterima pada tahun 2022. Status permohonan pembaharuan lesen A dan permit *C&U* senjata api adalah seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
STATUS PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN A DAN
PERMIT *C&U* SENJATA API PADA TAHUN 2022

672 Permohonan pembaharuan lesen A tidak dikemukakan kepada PDRM	LESEN A	STATUS PERMOHONAN PEMBAHARUAN	PERMIT <i>C&U</i> SENJATA API	2,346 Permohonan pembaharuan permit <i>C&U</i> senjata api tidak dikemukakan kepada PDRM
	29,802	JUMLAH PERMOHONAN	19,413	
	29,555	LULUS	19,170	
	247	DALAM PROSES KELULUSAN	243	

Sumber: PDRM


- Daripada jumlah keseluruhan permohonan pembaharuan tersebut, pihak Audit mendapati 672 pemegang lesen A dan 2,346 pemegang permit *C&U* senjata api tidak mengemukakan permohonan pembaharuan kepada

PDRM. Antara sebab permohonan pembaharuan tidak dikemukakan kerana lesen A atau permit *C&U* senjata api dalam proses pembatalan atau dalam proses pindah milik bagi pemegang lesen A.

c. Penguatkuasaan dan Pemeriksaan oleh PDRM

- i. Menurut Subseksyen 47 (1) Akta Senjata 1960, penguatkuasaan dan pemeriksaan senjata api dilaksanakan terhadap individu yang memiliki, menjaga atau mengawal apa-apa jenis senjata dan amunisi yang berada dalam kawasan bidang kuasa miliknya.
- ii. Bahagian Penguatkuasaan Pelesenan (BPP), IPPDRM, bertanggungjawab untuk melaksanakan penguatkuasaan dan pemeriksaan terhadap pemegang lesen dan permit senjata api. Terdapat tiga sektor di BPP, IPPDRM iaitu Sektor Agensi Kerajaan, Korporat dan Pematuhan yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan penguatkuasaan dan pemeriksaan terhadap pemegang lesen dan permit senjata api seperti dalam **Rajah 4**.
- iii. Pemeriksaan yang dilaksanakan oleh Sektor Agensi Kerajaan dan Sektor Korporat adalah meliputi dokumen pemegang lesen dan permit senjata api, stor penyimpanan senjata api serta semakan senjata api dan peluru secara fizikal. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, BPP, IPPDRM telah menasasarkan sebanyak 3,297 bilangan penguatkuasaan dan pemeriksaan untuk Sektor Agensi Kerajaan dan Korporat.
- iv. Sektor Pematuhan pula hanya melaksanakan pemeriksaan fail pemegang lesen dan permit di pejabat IPK dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD). Pemeriksaan terperinci terhadap individu awam dijalankan oleh pihak IPD semasa proses permohonan baharu atau pembaharuan lesen A dan permit *C&U* senjata api.

RAJAH 4
SEKTOR DI BPP, IPPDRM



Sumber: PDRM

- v. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, sebanyak **2,042 (62%) penguatkuasaan dan pemeriksaan telah dilaksanakan oleh Sektor Agensi Kerajaan dan Korporat berbanding 3,297 yang disasarkan** seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SASARAN DAN PELAKSANAAN BAGI PENGUATKUASAAN DAN PEMERIKSAAN
YANG DIJALANKAN OLEH SEKTOR AGENSI KERAJAAN DAN SEKTOR KORPORAT

TAHUN / SEKTOR	SEKTOR AGENSI KERAJAAN		SEKTOR KORPORAT		JUMLAH	
	SASARAN	PELAKSANAAN	SASARAN	PELAKSANAAN	SASARAN	PELAKSANAAN
2019	577	577 (100%)	192	188 (97.9%)	769	765 (99.5%)
2020	575	282 (49.0%)	276	123 (44.6%)	851	405 (47.6%)
2021	790	252 (31.9%)	300	63 (21.0%)	1,090	315 (28.9%)
2022	419	419 (100%)	168	138 (82.1%)	587	557 (94.9%)
JUMLAH	2,361	1,530 (64.8%)	936	512 (54.7%)	3,297	2,042 (62%)

Sumber: PDRM

- vi. Sektor Agensi Kerajaan telah melaksanakan 1,530 (64.8%) berbanding sasaran 2,361 penguatkuasaan dan pemeriksaan manakala Sektor Korporat pula telah melaksanakan 512 (54.7%) pemeriksaan berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 936.
- vii. Pada tahun 2020 dan 2021, bilangan penguatkuasaan dan pemeriksaan yang dilaksanakan oleh Sektor Agensi Kerajaan dan Sektor Korporat adalah rendah iaitu kurang daripada 50% disebabkan kekangan pergerakan dalam tempoh pandemik Covid-19. Selain itu, PDRM juga menghadapi kekangan bilangan anggota yang ditugaskan untuk menjalankan penguatkuasaan dan pemeriksaan.
- viii. Semakan Audit terhadap Laporan Penguatkuasaan dan Pemeriksaan, BPP, IPPDRM mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, sebanyak 1,100 surat teguran telah dikeluarkan kepada agensi kerajaan dan 377 surat teguran kepada syarikat swasta yang tidak mematuhi sepenuhnya peraturan/SOP yang ditetapkan oleh PDRM. Berdasarkan laporan tersebut, kesemua teguran yang dikeluarkan adalah bagi kesalahan '*minor*' seperti tiada sistem penggera dan CCTV di stor simpanan senjata api.

Maklum balas yang diterima pada 17 Julai 2023

Pemilihan premis/agensi adalah berasaskan penilaian risiko yang mana penumpuan akan diberi terhadap premis/agensi yang berisiko melanggar peraturan dan SOP yang

ditetapkan. Kekuatan anggota dari BPP, IPPDRM perlu ditambah di peringkat IPPDRM Bukit Aman, IPK dan IPD bagi memenuhi keperluan tugas penguatkuasaan dan pemeriksaan lesen dan premis yang menggunakan senjata api di Malaysia.

Pendapat Audit | **Prestasi bilangan penguatkuasaan dan pemeriksaan yang dilaksanakan oleh BPP, IPPDRM terhadap pemegang lesen dan permit adalah memuaskan iaitu telah mencapai lebih daripada 90% kecuali pada tahun 2020 dan 2021 semasa tempoh pandemik Covid-19.**


5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Penilaian pencapaian keberhasilan terhadap pengurusan dan kawal selia senjata api adalah berdasarkan perkara berikut:

a. Penyelesaian Siasatan Kes Jenayah Melibatkan Penggunaan Senjata Api

- i. Subseksyen 20 (3) Akta Polis 1967, menetapkan antara tugas pasukan polis ialah mencegah, mengesan jenayah dan menangkap pesalah. Jabatan Siasatan Jenayah, PDRM dipertanggungjawabkan untuk menyempurnakan tugas-tugas tersebut berdasarkan akta-akta dan undang-undang yang telah ditetapkan.
- ii. Bilangan kes jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 adalah sebanyak 872 kes termasuk kes kehilangan senjata api milik jabatan dan agensi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 59 (6.8%) kes masih dalam siasatan PDRM, 112 (12.8%) kes berstatus *No Further Action* (NFA) dan 701 (80.4%) kes telah selesai di peringkat PDRM iaitu kes telah dibawa ke peringkat Timbalan Pendakwaraya (TPR) untuk tindakan pihak TPR. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 4** dan **Carta 5**.

CARTA 4
BILANGAN KES JENAYAH MELIBATKAN SENJATA API
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022




Sumber: PDRM

872

Bilangan kes jenayah melibatkan penggunaan senjata api termasuk kes kehilangan senjata api milik jabatan dan agensi

CARTA 5
STATUS PENYELESAIAN KES JENAYAH MELIBATKAN SENJATA API
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022




Sumber: PDRM

- **Siasatan Kes Kehilangan Melibatkan Senjata Api Milik Jabatan dan Agensi**


- Seksyen 35 Akta Senjata 1960, menyatakan mana-mana orang yang diberi kuasa sah untuk memiliki/jagaan/kawalan terhadap senjata api, jika senjata atau bahagian hilang/dicuri, hendaklah disabitkan sama ada penjara atau denda.
- Berdasarkan Arahan Tetap PDRM, pegawai polis beruniform yang membawa pistol atau revolver hendaklah menentukan senjata api yang dibawa itu disarungkan dengan sempurna dan dipasang *lanyard* diikat pada tali pinggang sebelah kanan *belt* menghala ke belakang.
- Arahan Tetap APMM menetapkan senjata hendaklah bersarung dan disisipkan di sebelah kanan atau kiri pinggang mengikut kesesuaian pembawa semasa operasi. Senjata hendaklah dipasang *lanyard* agar tidak mudah terjatuh.
- Analisis Audit mendapati 25 daripada 872 kes jenayah melibatkan senjata api merupakan kes kehilangan senjata api milik jabatan dan agensi. Daripada 25 kehilangan senjata api tersebut, 20 laras merupakan milik PDRM, tiga laras milik APMM dan dua laras milik RELA seperti di **Carta 6**.

CARTA 6
STATISTIK KES KEHILANGAN
SENJATA API MILIK JABATAN/AGENSI



Sumber: PDRM

CARTA 7
STATUS KES KEHILANGAN SENJATA API
MILIK JABATAN/AGENSI



Sumber: PDRM

25 laras senjata api

PDRM: 20 laras
APMM: 3 laras
RELA: 2 laras

- Semakan Audit mendapati 13 kes masih dalam peringkat siasatan, tindakan surcaj/tatatertib telah dikenakan melibatkan enam kes manakala enam kes lagi diklasifikasikan sebagai NFA seperti dalam **Carta 7**. Kes diklasifikasikan sebagai NFA oleh TPR adalah disebabkan anggota telah meninggal dunia, aset telah dijumpai atau bukti tidak mencukupi.
- Berdasarkan laporan awal kehilangan aset, kehilangan senjata api milik jabatan dan agensi antaranya adalah disebabkan **senjata api tidak disarungkan dengan sempurna atau tidak dipasang lanyard** seperti ditetapkan dalam peraturan/arahan jabatan/agensi.
- Senjata api yang hilang akan **terdedah kepada penyalahgunaan** sekiranya dijumpai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Maklum balas PDRM yang terima pada 13 Julai 2023

PDRM telah mengeluarkan arahan pada tahun 2019 dan 2020 berkaitan penjagaan keselamatan aset kerajaan termasuk senjata api untuk mengelakkan kehilangan. Arahan tersebut secara jelas menyatakan tindakan tatatertib akan diambil kepada mana-mana peringkat yang cuai atau tidak mematuhi tatacara atau arahan penjagaan dan penggunaan aset.

Maklum balas APMM yang diterima pada 7 Julai 2023

Laporan akhir bagi kes kehilangan dua senjata api telah diterima oleh Unit Pengurusan Aset (UPA), KDN dan syor Jawatankuasa Siasatan telah dikemukakan kepada

pengurusan tertinggi KDN untuk pertimbangan selanjutnya. UPA telah mengemukakan surat peringatan bertarikh 3 Julai 2023 kepada Jawatankuasa Siasatan untuk mengemukakan laporan akhir bagi satu lagi kes kehilangan senjata api sebelum 14 Julai 2023.

Maklum balas RELA yang diterima pada 13 Julai 2023

Kehilangan senjata api milik RELA dikesan semasa RELA melaksanakan *task-force* pemutihan senjata api. Melalui pemeriksaan ini, kesemua senjata milik RELA telah dikumpulkan dan pemeriksaan menyeluruh terhadap dokumen dan fizikal senjata telah dijalankan. Sebarang kehilangan yang dikesan hasil dari *task-force* ini akan dilaporkan kepada PDRM. Jawatankuasa siasatan juga telah ditubuhkan pada 13 Januari 2023 untuk menyiasat dua kes kehilangan senjata api yang telah dikesan semasa *task-force* pemutihan senjata api.

Pendapat Audit	Kehilangan senjata api boleh mendatangkan risiko penyalahgunaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Selain itu, kehilangan senjata api juga boleh menjejaskan kesiapsiagaan senjata agensi terlibat.
-----------------------	---

b. Penggunaan Senjata Api yang Terkawal

i. Lesen Tidak Diperbaharui

- Subseksyen 4 (4) Akta Senjata 1960 menetapkan suatu lesen atau permit senjata hendaklah diperbaharui sebelum 30 Jun setiap tahun. Subseksyen 9 (8) menyatakan suatu lesen untuk urusan berniaga dan membaiki senjata dan amunisi yang habis tempohnya pada 31 Disember akan datang boleh diperbaharui oleh Ketua Polis Negeri di mana pemegang menjalankan perniagaan untuk tempoh satu tahun lagi dari 31 Disember tersebut. Subseksyen 27 (1) pula menyatakan mana-mana orang yang memiliki apa-apa senjata atau amunisi yang menjadi tidak sah berikutan dengan habis tempoh, penggantungan atau pembatalan suatu lesen atau permit hendaklah tanpa berlengah lagi, mendepositkan senjata atau amunisi di balai polis yang berhampiran sekali.
- Pihak Audit mendapati setakat 31 Disember 2022, sebanyak **25 individu/syarikat tidak memperbaharui lesen senjata api yang telah tamat tempoh melibatkan 70 senjata api**. Semakan lanjut mendapati kesemua senjata api tersebut masih dalam simpanan individu/syarikat berkenaan.

- PDRM telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat peringatan kepada semua 25 pemegang lesen supaya memperbaharui lesen. Bagaimanapun, **tiada tindakan susulan diambil selepas pengeluaran surat peringatan** tersebut oleh PDRM bagi memastikan pemegang lesen memperbaharui lesen.
- Kegagalan memperbaharui lesen menyebabkan penggunaan **senjata api yang tidak sah**.

Maklum balas PDRM yang diterima pada 17 Julai 2023

Selepas teguran Audit, PDRM telah mengambil tindakan terhadap 25 individu/syarikat terlibat di mana lesen bagi 11 individu/syarikat telah dibatalkan dan senjata api diserahkan ke PDRM manakala tujuh pemegang lesen telah memperbaharui lesen. Bagaimanapun, tujuh pemegang lesen masih tidak memperbaharui lesen dan senjata api masih dipegang oleh pemegang lesen tersebut walaupun peringatan telah diberikan.

Pendapat Audit | **Kelemahan tindakan penguatkuasaan Akta Senjata 1960 terhadap pemegang lesen boleh menjejaskan keberkesanan kawalan senjata api oleh PDRM.**

5.2. Pengurusan Aktiviti

5.2.1. Perolehan Senjata Api

- a. Perjanjian bagi kontrak pelupusan ke atas pelbagai jenis senjata lama/lusuh berserta aksesori milik PDRM telah ditandatangani antara KDN dengan Syarikat X pada 1 Oktober 2012 dengan tempoh perjanjian 1 Oktober 2012 sehingga 30 September 2014. Fasal 5 perjanjian menyatakan nilai perjanjian tidak kurang daripada RM7.50 juta. Merujuk kepada Surat Setuju Terima (SST) bertarikh 7 September 2012, Syarikat X akan membekalkan senjata berserta aksesori dan mengadakan latihan selama dua hari sebagai gantian pelupusan pelbagai jenis senjata tersebut.
- b. Semakan Audit mendapati **PDRM telah menyerahkan pelbagai jenis senjata lama/lusuh berserta aksesori** kepada Syarikat X secara berperingkat antara 5 Oktober 2012 hingga 11 November 2014. Pada bulan Oktober 2014, Syarikat X telah menyerahkan aksesori bernilai RM1.16 juta kepada PDRM.

- c. Sehingga tarikh pengauditan pada bulan Februari 2023, Syarikat X **masih belum memenuhi obligasi kontrak** bagi membekalkan senjata serta mengadakan latihan. Dengan mengambil kira nilai aksesori yang telah dibekalkan berjumlah RM1.16 juta, obligasi kontrak yang belum dilaksanakan **dianggarkan berjumlah RM6.34 juta.**
- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati **tiada tindakan susulan** diambil terhadap syarikat bagi memastikan syarikat memenuhi obligasi kontrak.
- e. Kegagalan tindakan susulan oleh KDN terhadap pematuan terma kontrak menyebabkan **kerugian kepada kerajaan** dianggarkan berjumlah **RM6.34 juta.**

Maklum balas KDN yang diterima pada 18 Julai 2023

Surat bertarikh 23 Jun 2023 telah dikeluarkan oleh pihak KDN kepada Syarikat X bagi melaksanakan pembekalan dengan kadar segera. Bagaimanapun, jika pihak syarikat tidak memenuhi obligasi kontrak, tindakan undang-undang akan diambil ke atas Syarikat X.

KDN akan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat isu ini.

Bagi penambahbaikan pengurusan perolehan pada masa akan datang, KDN tidak akan melaksanakan perolehan senjata api secara *barter trade* dan perolehan akan dibuat secara tender terbuka.

Pendapat Audit	Perolehan yang tidak diuruskan dengan cekap menyebabkan PDRM tidak mendapat bekalan senjata api yang sepatutnya. Kerajaan akan menanggung kerugian sekiranya tindakan lebih tegas tidak diambil bagi memastikan syarikat memenuhi obligasi kontrak.
-----------------------	---

5.2.2. Penyimpanan dan Pelupusan Senjata Api

- a. Subseksyen 27 (2) Akta Senjata 1960 menyatakan jika tuan punya mana-mana senjata atau amunisi yang telah didepositkan di mana-mana balai polis yang tidak, dalam tempoh enam bulan dari tarikh deposit menunjukkan lesen yang memberi ia kuasa untuk menyimpannya dan memohon untuk penyerahannya, senjata atau amunisi itu hendaklah dirampas.

- b. Arahan Tetap PDRM menetapkan apabila senjata api atau amunisi ditumpangkan jangka masa 6 bulan dan lesen tidak diperbaharui, tindakan merampas hendaklah diambil oleh Ketua Polis Daerah dan senjata api atau amunisi tersebut akan dihantar ke Stor Pusat PDRM untuk pelupusan. Senjata api atau amunisi yang dijumpai atau dirampas oleh pihak yang diberi kuasa hendaklah diserahkan kepada polis untuk simpanan dan pelupusan (tiada tuntutan dibuat oleh pemegang senjata api tersebut). Rampasan senjata api dalam kategori lain hanya akan dilakukan dengan Perintah Mahkamah diperolehi terlebih dahulu untuk melupuskan senjata api tersebut.
- c. Semakan Audit mendapati senjata api milik individu, senjata api warisan dan juga senjata api yang dirampas oleh PDRM **masih disimpan di stor penyimpanan senjata api IPD yang dilawati antara 1 hingga 48 tahun**. Semakan lanjut mendapati senjata api tersebut **tidak dilupuskan** walaupun tidak dituntut oleh mana-mana individu atau telah selesai proses perundangan yang melibatkan kes jenayah.
- d. Perkara ini berlaku disebabkan **kelemahan penyelarasan mengenai prosedur penyimpanan dan pelupusan senjata api antara Bahagian Pelesenan dan Bahagian Persenjataan** di setiap IPD terlibat. Semakan Audit mendapati, Bahagian Persenjataan tidak dimaklumkan oleh Bahagian Pelesenan mengenai senjata api yang tidak diperbaharui lesen dan tidak dituntut oleh mana-mana pihak untuk dilupuskan. Selain itu, Bahagian Persenjataan juga lewat mengambil tindakan untuk melupuskan senjata api yang telah selesai proses perundangan.
- e. Penyimpanan senjata api dalam tempoh yang lama dan tidak dilupuskan di stor PDRM memberi implikasi terhadap risiko keselamatan penyimpanan senjata api awam yang perlu dihadapi oleh PDRM.

Maklum balas PDRM yang diterima pada 14 Julai 2023

- a. Arahan Ketua Polis Negara (KPN) mengenai Pelupusan Senjata Api Limbahan (Awam) telah dikeluarkan pada 13 Jun 2023. Arahan ini menyatakan semua Ketua Polis Daerah dikehendaki membuat kajian tindakan pelupusan senjata api/amunisi limbahan bagi setiap enam bulan dan laporan kajian tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Lesen Pasukan IPPDRM pada 31 Ogos dan 28 Februari setiap tahun.
- b. Tindakan pelupusan senjata api stor penyimpanan IPD terlibat akan dilaksanakan selepas Kontrak Pelupusan Senjata Api PDRM diluluskan oleh pihak KDN. Status

terkini kontrak pelupusan adalah dalam tindakan Jawatankuasa Penilaian Spesifikasi.

Pendapat Audit	Kelemahan penyelarasan antara pihak yang terlibat menyebabkan pelupusan senjata api tidak diuruskan dengan cekap.
---------------------------	--

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan dan kawal selia senjata api jabatan dan agensi di bawah KDN adalah kurang memuaskan. Terdapat kelemahan dalam penyediaan dasar berkenaan sukatan senjata api dan amunisi serta berlaku kes kehilangan senjata api milik jabatan dan agensi di bawah KDN. Selain itu, berlaku kelemahan tindakan penguatkuasaan Akta Senjata 1960 bagi pembaharuan lesen senjata api yang boleh menjejaskan kawalan senjata api oleh PDRM. Perolehan senjata api yang tidak diuruskan dengan cekap menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dianggarkan berjumlah RM6.34 juta dan kelemahan pengurusan pelupusan senjata api boleh menimbulkan risiko keselamatan.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

7.1. KDN dan PDRM hendaklah memastikan syarat kontrak dipatuhi sepenuhnya supaya Kerajaan memperoleh nilai terbaik bagi setiap perolehan yang dibuat. KDN dan PDRM juga hendaklah mengkaji dari aspek perundangan tindakan yang boleh diambil sekiranya syarikat gagal memenuhi obligasi kontrak;

7.2. Komunikasi dan koordinasi antara semua pihak di KDN/Jabatan/Agensi perlu dipertingkatkan bagi memastikan senjata api diuruskan dengan cekap dan teratur bermula dari proses perolehan hingga pelupusan;

7.3. KDN dan PDRM hendaklah memastikan semua syarikat/individu yang dilesenkan untuk menjalankan aktiviti berkaitan senjata api mematuhi semua perundangan/peraturan yang berkaitan termasuk peraturan yang ditetapkan oleh JKDM. Tindakan tegas seperti membatalkan lesen perlu diambil terhadap syarikat/individu yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan; dan

7.4. Kawalan pembaharuan lesen senjata api perlu dipertingkatkan supaya penggunaan senjata api sah dan terkawal.

